

Anifah minta Tun M tunai janji di Sabah

Sinar Harian - 6/3/2019

m/s: 12

KUALA LUMPUR

- Bekas Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman menuntut Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menunaikan janji mengembalikan status Sabah menurut Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang menjadi asas penubuhan Malaysia.

Anifah yang juga Ahli Parlimen Kimanis berkata, beliau secara konsisten menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan seharusnya melaksanakan apa yang telah dijanjikan termasuk mengembalikan hak-hak negeri Sabah, antaranya pembayaran royalti petroleum.

Menurutnya, beliau mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di kediaman Perdana Menteri pada 1 Mac lalu, untuk membincangkan hal perjanjian itu termasuk mengembalikan semula hak



Anifah ketika mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir pada 1 Mac lalu.

Sabah.

Dalam pertemuan sama, Anifah turut memberitahu Dr Mahathir bahawa pihaknya tiada halangan sekiranya Bersatu ingin melebarkan sayapnya ke Sabah kerana ia selari dengan norma demokrasi.

"Saya akan tetap menyokong Perdana Menteri dan kerajaan selama mana matlamat pelaksanaan Per-

janjian Malaysia 1963 ditunaikan.

"Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana telah menerima baik segala usul yang saya utarakan kepada beliau," katanya.

Handwritten signature or scribble at the bottom of the page.